

## Australia bidas Keating

<sup>P</sup>  
KUALA LUMPUR, Rabu —  
Kenyataan Perdana Menteri  
Australia, Paul Keating, yang  
menyifatkan Perdana Men-  
teri, Datuk Seri Dr Mahathir  
Mohamad, sebagai "keras ke-  
pala" membangkitkan kemara-  
han di kalangan perniagaan  
Australia.

Presiden Majlis Perniagaan  
Australia-Malaysia, V T  
Lingam, berkata kenyataan  
Keating tidak bercirikan dip-  
lomatik. Ia menunjukkan keja-  
hilannya terhadap nilai dan si-

kap masyarakat Asia.

Dalam wawancara dengan  
*Bernama* menerusi telefon di  
sini hari ini, beliau berkata  
akhbar tempatan dan radio  
Australia turut mengkritik  
Keating berikutan kenyataan-  
nya yang "bodoh" terhadap Dr  
Mahathir.

"Kami terkejut dengan ke-  
nyataan Keating hanya dise-  
babkan Dr Mahathir tidak  
menghadiri mesyuarat Kerja-  
sama Ekonomi Asia Pasifik  
(Apec) di Seattle, baru-baru

ini," kata beliau.

Beliau berkata, majlis yang  
mempunyai 200 anggota me-  
wakili ahli perniagaan terke-  
muka Australia itu akan me-  
nemui pihak berkuasa  
berkenaan di Australia bagi  
menjernihkan semula hubu-  
ngan.

Katanya, kenyataan Keating  
itu adalah pandangan periba-  
dinya dan tidak mencermi-  
nkan pandangan Kabinet atau

**LIHAT MUKA 2**

# Media bidas sikap Canberra

DARI MUKA 1

masyarakat Australia.

Oleh itu, beliau yakin kalangan peniaga Australia akan terus meningkatkan pelaburan dan perdagangan di antara kedua-dua negara.

"Hari ini kita mengadakan perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) serta empat syarikat besar Australia termasuk Amco dan BHP dan membuat keputusan untuk melabur lebih RM100 juta di Malaysia tahun depan," kata beliau.

Lingam berkata, Keating tidak memberi arahan kepada kalangan perniagaan supaya menghentikan pelaburan ke Malaysia.

Menurutnya, media Australia menganggap Dr Mahathir sebagai bijak dan tenang ketika memberi ulasan mengenai sikap wartawan Australia.

Semalam, Dr Mahathir berkata, sikap Australia yang tidak beradab menyebabkan sukar bagi Malaysia untuk menyayangi mereka.

Sementara itu seorang pegawai kedutaan Australia di sini yakin kenyataan Paul Keating mengenai Dr Mahathir tidak akan menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Australia, Tim George, berkata kenyataan Keating itu lebih bersifat peribadi dan tidak mencerminkan pandangan kerajaan negara itu.